

16.3.2021_Berita Harian_MOSTI_Kerajaan teliti data klinikal, maklumat AstraZeneca

Kerajaan teliti data klinikal, maklumat AstraZeneca

Putrajaya: Kerajaan akan meneliti data klinikal dan maklumat membabitkan vaksin AstraZeneca yang sebelum ini dikaitkan dengan beberapa kejadian pembekuan darah oleh penerima di negara luar.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata ketika ini pengeluar vaksin itu memaklumkan tidak ada data yang menunjukkan kaitan langsung terhadap kes pembekuan darah di negara lain itu dengan vaksin berkenaan.

"Vaksin AstraZeneca belum sampai di Malaysia dan belum digunakan lagi di sini. Dalam tempoh masa sehingga ia tiba, kita akan melihat kepada maklumat data klinikal berkenaan kejadian itu," katanya pada sidang media, semalam.

Dalam pada itu, katanya, Malaysia akan berbincang dengan Kesatuan Eropah (EU) dan negara lain membabitkan pengiktirafan semua jenis vaksin yang mendapat kebenaran penggunaan kecemasan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), bagi mendapatkan pasport vaksin.

Katanya, ia berikutan agak sukar jika hanya vaksin tertentu

mendapat kelulusan bersyarat di EU atau mana-mana negara yang diiktiraf bagi membolehkan individu yang sudah menerima pelajaran, mendapat pasport vaksin.

"Sekurang-kurangnya jika vaksin ini sudah mendapat kebenaran kecemasan daripada WHO, negara-negara sepatutnya boleh mengiktirafnya.

"Kita merasakan semua vaksin (dalam portfolio) kita akan mendapat kebenaran daripada WHO," katanya.

Khairy mengulas kebimbangan sesetengah pihak, mereka berkecenderungan tidak mendapat pasport vaksin untuk ke negara dalam EU, berikutan hanya dua jenis

vaksin dalam portfolio vaksin Malaysia ketika ini iaitu keluaran Pfizer - BioNTech serta AstraZeneca yang mendapat kelulusan di kesatuan itu.

Beliau berkata, ketika ini, satu lagi vaksin, Sputnik V keluaran Rusia sedang dalam penilaian Agensi Ubat-ubatan Eropah (EMA).

Katanya, beliau berpendapat ia juga akan didaftarkan oleh EMA.

Khairy berkata, pemerolehan vaksin COVID-19 yang melebihi keperluan di negara ini adalah langkah mitigasi terhadap masalah kelulusan bersyarat beberapa vaksin lain yang masih belum mendapat kebenaran Badan Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Selain itu, ia bagi mengurangkan risiko bekalan vaksin yang dibeli lewat tiba di negara ini.

Katanya, ketika ini bukan semua vaksin COVID-19 sudah mendapat kelulusan bersyarat seperti Sputnik V dan CanSino.

"Hanya tiga vaksin yang sudah menerima kelulusan bersyarat dari NPRA. Jadi kita beli lebih untuk kita mitigasi masalah kelulusan itu.

"Kedua, untuk kita mitigasi ataupun mengurangkan risiko penghantaran, kita bimbang penghantaran lewat.

"Sebagai contoh AstraZeneca sepatutnya kita terima suku tahun pertama, tapi setakat ini kita belum menerima jadual penghantaran," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pemerolehan yang melebihi keperluan itu juga mengambil kira kemungkinan untuk rakyat negara ini menerima suntikan penggalak bagi vaksin yang diterima jika ada keperluan bagi satu lagi dos diberikan pada tahun hadapan.

"Katahal COVID-19 masih lagi tidak dapat diselesaikan jadi ada baiknya kita ada stok peninjal (stockpile).

"Kita juga mungkin akan melihat kelulusan dari segi ujian kli-

nikal untuk vaksin ini diberi kepada golongan remaja," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, biarpun sebelum ini dasar kerajaan ialah satu dos dan satu dos simpanan, ia tidak lagi diteruskan berikutan negara sudah mendapat jadual penghantaran daripada pengeluar vaksin Pfizer; selain penghantaran dos vaksin yang menepati masa.

Terdahulu, Khairy berkata, sehingga 29 Mac ini, jumlah dos vaksin Pfizer-BioNTech yang akan diterima adalah sebanyak 1,000,350 dos.

Beliau berkata, semalam pihaknya menerima 83,070 dos vaksin Pfizer-BioNTech, diikuti pada 22 Mac (124,020) dan 29 Mac (125,190).

Turut diterima hari ini ialah 100,000 vaksin Sinovac dengan komposisi kedua vaksin sama, juga membabitkan 100,000 dos, akan diterima pada 22 Mac ini.

Khairy juga mengesahkan, mengikut Jawatankuasa Vaksin-Jamuan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) sebelum ini membuat keputusan tidak meneruskan pembelian vaksin daripada Johnson & Johnson berikutan jumlah dos serta jadual penghantaran yang tidak bersestuaian dengan keperluan negara ketika ini.



Ada beberapa kes penerima di luar negara didakwa mengalami darah beku selepas disuntik vaksin AstraZeneca.